



MEMO

**PEJABAT DAERAH DAN TANAH MANJUNG
KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH MANJUNG**

TEL: 05-6881120 / FAX: 05-6882106

Daripada : Penolong Pegawai Daerah (Bahagian Khidmat Pengurusan)
Kepada : Seperti Senarai Edaran
Salinan Kepada : Pegawai Daerah Manjung
Ruj. Kami : Bil. **(35)** dlm. P.D.M. 200/7/2016
Tarikh : 12 Februari 2018

Tuan / Puan,

EDARAN MINIT MESYUARAT PELAKSANAAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH MANJUNG

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dilampirkan minit bagi Mesyuarat Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung Bil. 1 / 2018 yang lalu untuk makluman pihak tuan / puan.

Sekian, terima kasih.

(NORHARYAMMIE BINTI HAMZAH)

SENARAI EDARAN

Puan Laila Mazwin binti Zakaria
Ketua Penolong Pegawai Daerah
Bahagian Pengurusan Tanah

Puan Ramdhatun Ajma binti Jemail
Ketua Penolong Pegawai Daerah
Bahagian Pembangunan Luar Bandar

Jawatankuasa Audit

Encik Firdaus Azmir bin Md Nor
Penolong Pegawai Daerah

Jawatankuasa Promosi

Puan Rusmiyati binti Ahmad
Penolong Pegawai Daerah

Jawatankuasa Latihan

Encik Muhammad Faiz bin Abdul Latiff
Pegawai Tadbir

Ketua Sektor / Zon Bahagian Khidmat Pengurusan

Puan Norshamshima binti Ahmad
Pembantu Tadbir

Ketua Sektor / Zon Bahagian Pengurusan Tanah

Encik Mohamed Khairulazim bin Mohamed
Penolong Pegawai Daerah

Ketua Sektor / Zon Bahagian Pembangunan Luar Bandar

Puan Sabarina binti Sabran
Pegawai Tadbir

**MINIT MESYUARAT PELAKSANAAN
EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)
DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH MANJUNG BIL. 1 / 2018**

Tarikh : 2 Februari 2018 (Jumaat)
Masa : 9.00 - 11.00 pagi
Tempat : Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Manjung

HADIR

1. Puan Laila Mazwin binti Zakaria - Pengerusi
Ketua Penolong Pegawai Daerah
Bahagian Pengurusan Tanah
2. Puan Ramdhatun Ajma binti Jemail
Ketua Penolong Pegawai Daerah
Bahagian Pembangunan Luar Bandar
3. Puan Norharyammie binti Hamzah
Penolong Pegawai Daerah
Bahagian Khidmat Pengurusan
4. Encik Mohamed Khairulazim bin Mohamed
Penolong Pegawai Daerah
Unit Pendaftaran dan Hasil
5. Puan Rusmiyati binti Ahmad
Penolong Pegawai Daerah
Unit Pembangunan Tanah dan Pelupusan
6. Encik Firdaus Azmir bin Md Nor
Penolong Pegawai Daerah
Unit Pembangunan Masyarakat
7. Encik Muhammad Faiz bin Abdul Latiff
Penolong Pegawai Daerah
Unit Pembangunan Fizikal
8. Puan Norshamshima binti Ahmad
Ketua Pembantu Tadbir
Bahagian Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR DENGAN IZIN

9. Puan Sabarina binti Sabran
Pegawai Tadbir
Bahagian Pembangunan Luar Bandar

URUSETIA

10. Puan Amirah binti Abdul Rashid
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Bahagian Khidmat Pengurusan

1.0 PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa yang hadir ke Mesyuarat Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) Manjung Bil. 1 / 2018.
- 1.2 Puan Pengerusi juga mengalu-alukan kehadiran Puan Ramdhatun Ajma binti Jemail ke Mesyuarat Jawatankuasa EKSA di PDT Manjung.

2.0 PERBINCANGAN

- 2.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa buku Garis Panduan Pelaksanaan EKSA akan diedarkan selewat-lewatnya pertengahan bulan Februari 2018. Garis Panduan tersebut akan diedarkan ke tiga (3) zon secara salinan cetak iaitu di Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Pembangunan Luar Bandar dan Bahagian Pembangunan Tanah. Manakala salinan digital akan diedarkan di perisian *Whatsapp* melalui *group All PDT Manjung*.

Tindakan : Makluman

- 2.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa dalam tempoh masa sebulan setelah buku garis panduan diedarkan, Jawatankuasa Audit yang dilantik akan diberi latihan oleh fasilitator bagi mempertingkatkan kerbekesanan proses pengauditan EKSA melalui pendekatan audit yang berdisiplin dan sistematik.

Tindakan : Jawatankuasa Audit

- 2.3 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Audit yang dilantik hendaklah menjalankan auditan dengan cara analisis serta penilaian melalui kepatuhan terhadap dasar dan objektif EKSA di PDT Manjung.

Tindakan : Jawatankuasa Audit

- 2.4 Puan Pengerusi menekankan bahawa pelaksanaan EKSA terbahagi kepada sepuluh (10) kategori utama yang merangkumi keseluruhan tempat kerja di PDT Manjung iaitu:

- 2.3.1 Keperluan sudut EKSA bagi zon;
- 2.3.2 Keperluan fail induk, latihan, promosi, audit serta dokumentasi;
- 2.3.3 Ruang pejabat;
- 2.3.4 Ruang kerja / bilik pegawai;
- 2.3.5 Bahagian pengeluaran;
- 2.3.6 Tempat penyimpanan / stor;
- 2.3.7 Tempat umum;
- 2.3.8 Kawasan persekitaran;

- 2.3.9 Keupayaan sumber manusia; dan
- 2.3.10 Keselamatan persekitaran.

Justeru itu, setiap Ketua Zon bertanggungjawab untuk mengenalpasti fungsi serta ruang persekitaran yang terlibat bagi merealisasikan organisasi ini mencapai objektif melalui tindakan pelaksanaan EKSA.

Tindakan : Ketua Zon Tenggara, Bawal dan Todak

- 2.5 PPD (BKP) memaklumkan bahawa audit dalaman di PDT Manjung perlu dilakukan sebanyak dua (2) kali dengan mempunyai markah purata melebihi 80% sebelum memohon untuk auditan daripada pihak Unit Pemodenan Tadbir dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Tindakan : Makluman

- 2.6 Urusetia memaklumkan bahawa tarikh sasaran PDT Manjung untuk pengauditan EKSA oleh Unit Pemodenan Tadbir dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) adalah pada bulan Ogos 2018.

Tindakan : Makluman

- 2.7 PPD (BKP) memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dokumentasi telah mengagihkan wang sebanyak RM300 pada setiap Jawatankuasa Zon sebagai peruntukan yang akan digunakan untuk pelaksanaan EKSA. Manakala peruntukan bagi Jawatankuasa Induk tertakluk kepada keperluan jawatankuasa masing-masing. Namun sekiranya peruntukan tidak mencukupi bagi Jawatankuasa Induk / Zon, Ketua Jawatankuasa perlu memohon peruntukan tersebut secara bertulis kepada Jawatankuasa Dokumentasi.

Tindakan : Makluman

- 2.8 Urusetia memaklumkan bahawa pertukaran nama Zon Pari bagi Bahagian Pembangunan Luar Bandar (PLB) ke Zon Todak telah pada 10 Januari 2018 melalui persetujuan ahli mesyuarat bagi zon tersebut.

Tindakan : Makluman

- 2.9 Pengerusi memaklumkan bahawa Ketua Zon bertanggungjawab menyelia serta memantau sistem susunan fail yang terdapat di zon masing-masing. Ia bertujuan untuk memudahkan Jawatankuasa Pengurusan dan Pelupusan Rekod serta Fail di PDT Manjung untuk menguruskan pengasingan rekod dengan tujuan pemusnahan dan pemindahan. Justeru itu, tindakan pelaksanaan jawatankuasa tersebut boleh memberi nilai

tambah seterusnya mempertingkatkan pengiktirafan Sistem *Star Rating* (SSR).

Tindakan : Ketua Zon Tenggara, Bawal dan Todak

- 2.10 PPD (Unit Pembangunan Fizikal) mencadangkan gotong-royong EKSA perlu dilakukan sebulan sekali di PDT Manjung. Sehubungan dengan itu, Pengerusi telah menetapkan bahawa gotong-royong tersebut akan dilaksanakan pada minggu ke-3 untuk setiap hari Jumaat. Selain itu, warga kerja PDT Manjung dibenarkan untuk memakai *t-shirt* berkolah pada hari tersebut.

Tindakan : Makluman

- 2.11 PPD (Unit Pembangunan Tanah dan Pelupusan) memaklumkan bahawa lagu serta peringatan EKSA akan dimainkan setiap hari di waktu petang melalui sistem siaraya PDT Manjung. Ia bagi memupuk amalan budaya kerja yang produktif serta persekitaran kerja yang kondusif seterusnya memastikan sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, cekap dan efisien.

Tindakan : Jawatankuasa Promosi

- 2.12 Pengerusi memaklumkan bahawa carta perbatuan perancangan amalan EKSA PDT Manjung perlu dibincangkan dan diselaraskan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaannya.

Tindakan : Jawatankuasa Dokumentasi

- 2.13 Pengerusi memaklumkan bahawa PDT Manjung akan melaksanakan program pengiktirafan EKSA di peringkat zon. Antara program pengiktirafan EKSA adalah:

- 2.13.1 Zon terbaik;
- 2.13.2 Pantry terbaik;
- 2.13.3 Sub-zon terbaik;
- 2.13.4 *Workstation* terbaik;
- 2.13.5 Bilik terbaik; dan
- 2.13.6 Hasil kreativiti terbaik

Justeru itu, PPD (Unit Pembangunan Tanah dan Pelupusan) mencadangkan bahawa hebahan mengenai program ini perlu dilakukan bagi menjamin keberkesanan dalam melaksanakan program pengiktirafan EKSA.

Tindakan : Jawatankuasa Audit, Promosi dan Urusetia EKSA

- 2.14 KPPD (PLB) mencadangkan bahawa pelaksanaan inovasi melalui amalan baik (*best practices*) boleh dilakukan bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti warga kerja PDT Manjung. Justeru itu, warga kerja PDT Manjung digalakkan untuk melibatkan diri bagi merealisasikan inovasi EKSA di PDT Manjung..

Tindakan : Jawatankuasa Promosi dan Urusetia EKSA

- 2.15 PPD (Unit Pembangunan Fizikal) mencadangkan lawatan ke Kementerian atau agensi yang telah mendapat pensijilan EKSA.

Tindakan : Makluman

- 2.16 PPD (Unit Pembangunan Masyarakat) mencadangkan latar belakang sudut EKSA direka mengikut kaedah *hall of fame*.

Tindakan : Makluman

3.0 HAL - HAL LAIN

- 3.1 Urusetia memaklumkan bahawa sudut EKSA telah dipaparkan secara maya di Portal Rasmi PDT Manjung. Dengan adanya sudut EKSA secara maya, ia dapat menjimatkan kos serta mencapai matlamat untuk menghebahkan info EKSA kepada warga kerja PDT Manjung.

Tindakan : Makluman

- 3.2 PPD (BKP) memaklumkan bahawa Ketua Zon bertanggungjawab sepenuhnya terhadap dokumentasi pelaksanaan EKSA termasuk minit mesyuarat, surat lantikan jawatankuasa serta laporan aktiviti jawatankuasa. Justeru itu, setiap Ketua Zon perlu sentiasa mengemaskini dokumen tersebut dari semasa ke semasa.

Tindakan : Ketua Zon Tenggara, Bawal dan Todak

- 3.3 Urusetia memaklumkan bahawa memo akan dikeluarkan bagi pengumpulan maklumat untuk dokumentasi bagi setiap zon di PDT Manjung.

Tindakan : Jawatankuasa Dokumentasi

- 3.4 Puan Pengerusi memaklumkan bahawa sudut amalan hijau (*go-green*) adalah mengikut elemen kreativiti serta inovasi di zon masing-masing. Mesyuarat dimaklumkan bahawa penekanan terhadap pembudayaan amalan hijau dapat dilaksanakan melalui program kitar semula bagi

meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga ke arah penjimatan sumber secara optimum.

Tindakan : Ketua Zon Tenggara, Bawal dan Todak

4.0 PENANGGUHAN

- 4.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

Disediakan oleh :

Disemak oleh :

.....
(AMIRAH BINTI ABDUL RASHID)
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Urusetia EKSA

.....
(NORHARYAMMIE BINTI HAMZAH)
Penolong Pegawai Daerah (BKP)
Ketua Jawatankuasa Dokumentasi

Disahkan oleh :

.....
(LAILA MAZWIN BINTI ZAKARIA)
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah)
Penyelaras EKSA